## GARIS PANDUAN GERAN GUP INDUSTRY/ INTERNATIONAL INCENTIVE GRANT (IIIG)

| PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|
| **Objektif** | Sebagai Insentif kepada penyelidik yang berjaya memperolehi geran luar iaitu geran penyelidikan daripada penaja antarabangsa atau geran penyelidikan kontrak dari pihak industri. |
| **Syarat Khusus** | 1. Pemohon mestilah terdiri daripada staf akademik tetap atau kontrak UTM.<br>2. Bagi pemohon staf akademik kontrak perlu melibatkan **SATU (1)** orang staf akademik bertaraf tetap sebagai ahli projek.<br>3. Bilangan minimum keahlian dalam projek penyelidikan ini adalah dua (2) orang staf akademik termasuk Ketua Projek |
| **Syarat Permohonan** | 1. Pemohon mestilah telah menerima geran luar sama ada dari:<br>i. Geran penyelidikan **kontrak swasta/industri (dalam Negara)** yang bernilai sekurang-kurangnya **RM20,000.00 bagi S&T** dan RM5,000 bagi non S&T atau<br>ii. Geran penyelidikan **antarabangsa (kontrak/others)** yang bernilai sekurang-kurangnya **RM10,000.00** dan **bagi S&T** dan RM5,000 bagi non S&T.<br>2. Hanya boleh dimohon bagi Ketua Projek yang telah dianugerahkan geran baharu mulai **1 September 2017.**<br>3. **Sekurang-kurangnya 40% peruntukan telah disalurkan kepada UTM**<br>4. **Peruntukan kewangan yang diperolehi dari geran luar mestilah di bawah pengurusan RMC**.<br>5. **Perlu mengemukakan MoA/MoU/RA/LOA yang lengkap**<br>6. **Telah menghantar Laporan Akhir** bagi projek penyelidikan lain yang telah tamat tempoh penyelidikannya. |
| **Tempoh** | 1. Tempoh maksimum projek penyelidikan adalah selama **12 bulan.**<br>2. Perlanjutan tempoh hanya dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh projek (**tempoh maksima 6 bulan**). |
| **Amaun (Quantum of Funding)** | 1. Maksimum pembiayaan insentif adalah sebanyak **RM20,000.00** atau tertakluk kepada jumlah amaun yang dipersetujui oleh UTM seperti dalam Dokumen Perjanjian dengan pihak penaja.<br>2. Pemberian peruntukan geran pembiayaan sepadan ini bergantung kepada kemampuan dan kedudukan kewangan Universiti. |

<table>
<tr><td>Lokasi</td><td>Projek hanya boleh dijalankan di Malaysia sahaja</td></tr>
<tr><td>Output</td><td>Output projek ini adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th colspan="2">Output</th></tr>
<tr><td>Bilangan Artikel dalam Jurnal Berindeks</td><td>SATU (1) Artikel Jurnal Berindeks bagi tempoh penyelidikan di mana penulis utama adalah Ketua Projek</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>Proses Permohonan</td><td>1. Ketua projek yang berjaya memperolehi geran industi/antarabangsa perlu majukan permohonan geran IIIG kepada RMC.<br>2. Borang permohonan boleh dimuat turun dari portal RMC.</td></tr>
<tr><td>Penilaian</td><td>1. Permohonan yang lengkap dan memenuhi kriteria geran IIIG akan dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Propsal Penyelidikan (JKPPP) untuk kelulusan.<br>2. Permohonan dibuka sepanjang tahun dan penilaian dibuat pada April, Ogos dan Disember.</td></tr>
<tr><td>Keputusan</td><td>1. Keputusan penilaian dan pemilihan adalah muktamad.<br>2. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui emel rasmi UTM dan semakan juga boleh dibuat melalui Sistem RADIS</td></tr>
</table>